

Pakar sosial setuju haram Pokemon Go

KUALA LUMPUR - Seorang pakar sosial bersetuju agar permainan *Pokemon Go* diharamkan kerana ia dilihat banyak membawa implikasi buruk.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, permainan itu membuatkan seorang individu alpa dengan dunia nyata.

"Ia melalai dan membuat orang alpa dengan tugas harian," katanya dalam program 'Dalam Radar'.

Beliau berkata, pemain *Pokemon Go* terutama generasi muda lebih mengutamakan permainan tersebut berbanding berinteraksi bersama keluarga dan rakan mereka.

"Mereka kelihatan begitu teruja atau ghairah untuk menangkap binatang *Pokemon* dan dari situlah timbulnya persepsi negatif tentang aplikasi permainan ini," katanya.

Pokemon Go berupa permainan realiti berperantara berasaskan lokasi yang dilancarkan pada 6 Julai lepas dan memasuki pasaran Malaysia dan lebih 30 negara lain bermula 6 Ogos.

Ia dibangunkan Niantic Incorporation of Nintendo USA yang memerlukan pemainnya mencari dan berlawan dengan karakter maya berdasarkan lokasi persekitaran sebenar melalui telefon pintar. - *Bernama*